



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### TINDAKAN PEMBANGUNAN BUMIPUTERA 2030 AGENDA MEMASTIKAN TIADA BUMIPUTERA YANG TERCICIR

---

**KUALA LUMPUR, 6 Disember 2021** – Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob hari ini telah melancarkan halatuju 10 tahun, **Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030)**, bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre.

TPB2030 adalah naskhah rujukan sedekad akan datang bagi pemerksaan ekonomi dan sosioekonomi Bumiputera dan merupakan kesinambungan kepada inisiatif serta program-program pemerksaan Bumiputera.

Berintipatikan sebahagian agenda di dalam Wawasan Kemakmuran Negara 2030 (WKB2030) dan didukung oleh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), TPB2030 yang diwujudkan untuk mencapai kesaksamaan peluang dan keberhasilan ini telah dibangunkan oleh TERAJU sejak penghujung 2020.

Isi kandungan TPB2030 juga terbina daripada beberapa program sindikasi dan pemantapan bersama kumpulan pemegang kepentingan sasaran seperti wakil-wakil dari agensi-agensi kerajaan, wakil-wakil Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan pihak swasta serta pemain-pemain industri.

Walaupun Bumiputera merupakan majoriti di negara ini, iaitu seramai 20.9 juta atau 69.7%, status sosioekonomi Bumiputera masih di tahap yang memerlukan peningkatan, khususnya kesenjangan kekayaan, jurang pendapatan serta pemilikan aset yang masih rendah.

Keadaan ini diburukkan lagi dengan tahap kehilangan pekerjaan akibat pandemik COVID-19 yang menyebabkan simpanan pesaraan juga berkurangan atau terhenti. Ini adalah realiti getir kedudukan sosioekonomi golongan Bumiputera hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Md Silmi Abd Rahman berkata, pembangunan TPB2030 merupakan satu halatuju yang akan membuka ruang dan peluang kepada Bumiputera untuk mengalihkan fokus kepada sektor-sektor berimpak tinggi yang akan menjadi industri masa hadapan.



Katanya, semangat di sebalik TPB2030 ini adalah untuk melahirkan generasi baru Bumiputera yang berwibawa, berpaksikan nilai-nilai murni, mempunyai sahsiah jati diri yang berintegriti, tidak bertongkat, tabah, berdikari dan kompetitif dari segi usaha dan pemikiran.

“Generasi yang berkebolehan, kelayakan serta mempunyai pengiktirafan agar berupaya merebut peluang di dalam dan luar negara, seterusnya melonjakkan kedudukan Bumiputera sebagai kaum yang terbilang dan bermaruah,” katanya.

TPB2030 meletakkan enam **(6) Sasaran Utama** untuk dicapai menjelang tahun 2030, iaitu Sumbangan Lebihan Kendalian Kasar (GOS) Perusahaan Bumiputera sebanyak **20% kepada KDNK bernilai RM438 bilion**, Gaji Upah pada kadar **RM5,169.12**, Pendapatan Isi Rumah pada kadar **RM18,402.68**, Kadar Pulangan Aset Kewangan Per Kapita pada nilai **RM4,495.65**, Pekerja Mahir seramai **3,248,920** orang dan Pemilikan Kediaman sebanyak **4,758,469**.

Sasaran ini bakal dicapai melalui tujuh **(7) Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA)** yang terdiri daripada **Pertanian dan Komoditi, Ekonomi Digital, Halal dan Makanan, Kewangan Islam 2.0, Pengangkutan dan Mobiliti Lestari, Pembuatan dan Pelancongan**. Bagi memastikan agar pemeraksanaan Bumiputera dipacu sehingga peringkat global, TPB2030 akan turut meneroka potensi bidang berteknologi tinggi, iaitu **Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA)** seperti **Teknologi Pembinaan Moden (IBS), Angkasa dan Aeroangkasa, serta Pertahanan dan Keselamatan** yang mana merupakan industri perniagaan masa hadapan dan berimpak tinggi.

Demi memastikan segala perancangan ini berjaya sampai ke titik sasaran yang ditetapkan, TPB2030 juga memuatkan enam **(6) Sasaran Utama (PA)** yang merangkumi tindakan-tindakan proaktif dan afirmatif seperti **menambah baik tadbir urus dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan daya tahan dan kemampuan perniagaan Bumiputera serta pengukuhan modal insan melalui peningkatan kapasiti dan keupayaan**.

**#TAMAT#**



**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, usahawan Bumiputera boleh menghubungi:

Unit Komunikasi Korporat, TERAJU  
[siti.rozalina@teraju.gov.my](mailto:siti.rozalina@teraju.gov.my) | 6019 238 4262  
[soffian@teraju.gov.my](mailto:soffian@teraju.gov.my) | 6012 855 6125  
[nurulhidayah@teraju.gov.my](mailto:nurulhidayah@teraju.gov.my) | 6013 369 5159

**MENGENAI TERAJU**

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai organisasi strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, fungsi TERAJU telah diperluaskan sebagai penyelaras utama Agenda sosioekonomi Bumiputera bertrajektori tinggi, melalui tindakan intervensi strategik, inisiatif dan program berlandaskan bidang keutamaan dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

TERAJU berperanan menggalakan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik yang berimpak tinggi ke arah menghasilkan ekosistem pembangunan Bumiputera yang mampan, dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

TERAJU turut dipertanggungjawabkan memacu aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial dan kelestarian bagi menghasilkan persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.